

CATATAN MENGENAI MAMOGRAFI PENYARINGAN

Selamat datang ke klinik BreastScreen WA ...

Sila baca maklumat penting mengenai mamografi penyaringan ini dan kemudian isi borang izin yang disertakan SEBELUM menjalani mamogram anda. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, kakitangan di unit penyaringan dapat membantu anda. Sila perhatikan bahawa anda boleh meminta prosedur itu dihentikan bila-bila saja.

Mengenai program penyaringan buah dada

Tujuan program penyaringan buah dada adalah untuk mengurangkan kemungkinan kematian daripada barah buah dada. Mamogram (sinar X buah dada) merupakan cara terbaik yang kita punya pada masa ini untuk mencari barah buah dada ketika barah itu masih berada dalam keadaan terlalu kecil dan sukar dirasai. Makin awal barah buah dada itu didiagnosis makin besar kemungkinan rawatan itu mencapai kejayaan.

Tumpuan Program BreastScreen WA ialah pada pengesanan awal barah buah dada. Perubahan yang kelihatan pada mamogram anda yang tidak dianggap sebagai tanda barah buah dada tidak akan dilaporkan.

Bukti perubatan semasa menunjukkan bahawa penyaringan paling berguna adalah bagi wanita yang berusia 50-74 tahun. Kemungkinan anda mendapat barah buah dada bertambah dengan bertambahnya usia. Hampir 70% daripada barah buah dada terjadi pada wanita yang berusia 50 tahun ke atas. Mamogram penyaringan secara tetap dapat mengurangkan kematian di kalangan wanita sebanyak kira-kira 30%. Manfaat daripada mamografi penyaringan adalah kurang bagi kaum wanita di bawah usia 50 tahun.

Bagaimana mamogram diambil?

Anda akan diminta menanggalkan pakaian sampai ke pinggang dan diberi gaun untuk dipakai. Seorang juru radiografi wanita yang mempunyai latihan khusus akan mengambil mamogram anda.

Semasa mamogram sedang diambil buah dada anda akan ditekan selama beberapa saat untuk memperolehi gambar yang lebih jelas. Anda mungkin akan berasa kurang selesa.

Biasanya dua gambar akan diambil untuk setiap buah dada, tetapi adakalanya lebih banyak gambar akan diperlukan.

Siapa yang membaca mamogram?

Hasil mamogram anda akan didasarkan pada persetujuan antara sekurang-kurangnya dua orang doktor pakar (pakar radiologi) yang amat berpengalaman dalam membaca mamogram. Semua mamogram dibaca secara berasingan. Kadangkala jika dua pakar radiologi pertama tidak dapat mencapai persetujuan, pakar radiologi ketiga akan membaca mamogram anda.

Jika sekiranya saya diperlukan untuk menjalani pemeriksaan x-ray semula?

Kadang-kadang pakar radiology akan meminta anda menjalani pemeriksaan x-ray semua jika gambar x-ray yang diambil dulu itu kurang jelas. Jika pemeriksaan semula perlu dijalankan, anda akan dihubungi melalui telefon atau surat yang meminta anda datang semula. Pemeriksaan x-ray itu akan dijalankan di klinik penyaringan.

Pemberitahuan hasil pemeriksaan mamogram

Kebanyakan wanita akan diberitahu hasil pemeriksaan itu dengan surat dalam masa 14 hari, iaitu mereka adalah sihat. Jarang-jarang jika wanita dipanggil balik untuk ujian lanjut. Sekiranya anda perlu dipanggil balik, jururawat penilaian buah dada daripada BreastScreen WA akan menelefon anda

untuk membincangkan hal itu. Biasanya ujian-ujian yang dijalankan ini tidak akan menunjukkan sebarang masalah yang memerlukan pemeriksaan lanjut.

Wanita yang melakukan penyaringan di daerah bandar akan diberi temu janji di pusat penilaian program di mana gambar mamografi tambahan boleh diambil, atau ujian-ujian lain dilakukan.

Bagi wanita yang menjalani penyaringan di unit bergerak luar bandar, gambar mamografi lanjut ini akan dijalankan dalam van bergerak demi keselesaan mereka.

Perhatian: BreastScreen WA akan menyimpan mamogram untuk dibandingkan dengan gambar-gambar yang diambil kelak.

Adakah mamogram itu boleh diharapkan?

Mamogram boleh menunjukkan hingga 90% barah buah dada. Ada beberapa jenis barah yang tidak dapat dilihat pada mamogram. Wanita yang lebih muda atau wanita yang menerima Perawatan Penggantian Hormon mungkin mempunyai tisu buah dada yang jauh lebih padat berbanding wanita yang lebih tua, dan ini mungkin meningkatkan sukarnya untuk mengenal pasti barah pada mamogram. Maka lebih banyak pemeriksaan mungkin perlu dijalankan bagi wanita yang lebih muda, termasuk biopsi, disebabkan bahawa terdapat kesulitan dalam mendakkan wujudnya barah berdasarkan mamogram.

Begitu juga halnya bahawa mamogram pada asalnya mungkin kelihatan mengkhawatirkan tetapi pemeriksaan lanjut mungkin akan menunjukkan bahawa tidak ada masalah yang serius.

Pemeriksaan mamogram tidak boleh mencegah barah buah dada, tetapi pengesanan awal akan memastikan kemungkinan berjayanya rawatan yang diberikan.

Adakah mamogram boleh mengakibatkan kecederaan?

Adakalanya tekanan yang digunakan untuk mengambil mamogram boleh menyebabkan kesakitan atau lebam buah dada yang sementara. Ini tidak menyebabkan kecederaan jangka panjang kepada tisu buah dada.

Setiap mamogram menggunakan dos radiasi yang kecil sekali. Bukti semasa menunjukkan bahawa risiko yang berkenaan dengan pendedahan radiasi kecil sekali. Manfaat daripada mamografi penyaringan jauh melebihi risiko ini.

Wanita yang merasa bahawa mereka hamil tidak digalakkan untuk menjalani mamogram. Jika anda mungkin hamil, sila beritahu kepada penyambut tetamu atau juru radiografi.

Bagaimana jika saya mempunyai gumpalan di buah dada atau masalah pada buah dada sekarang?

Jika anda telah mendapati gumpalan pada buah dada anda, lelehan daripada puting atau perubahan lain pada buah dada anda, sila beritahu kepada juru radiografi sebelum ia mengambil mamogram anda. Penting juga bagi anda untuk berjumpa dengan doktor anda mengenai tanda-tanda ini walaupun mamogram itu dipadati normal.

Mengapa saya harus memberi butir-butir mamogram itu kepada doktor saya?

Untuk memberi anda penjagaan yang terbaik, doktor anda perlu mempunyai maklumat mengenai keseluruhan penjagaan kesihatan anda. Jadi kami akan menghantar hasil mamogram anda kepada doktor anda. Kami mencadangkan bahawa buah dada anda diperiksa secara berkala oleh doktor anda.